

**PENGARUH MEDIA MASSA TERHADAP  
PEGANGAN NILAI AKHLAK REMAJA:  
KAJIAN KE ATAS FAKIR MISKIN DI KAWASAN LUAR BANDAR**

*Oleh*

Dr. Ab. Halim bin Tamuri  
Jabatan Perkaedahan dan Amalan Pendidikan,  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 UKM Bangi, Selangor  
e-mail : abhalim@ukm.my

Zarin bin Ismail  
Jabatan Asas Pendidikan  
Fakulti Pendidikan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi, Selangor  
e-mail : zarin@ukm.my

**ABSTRAK**

Kewujudan bahan-bahan negatif dari majalah hiburan (dari dalam atau luar negeri), suratkhbar hiburan, VCD, TV, radio serta internet telah menimbulkan masalah yang begitu serius kepada perkembangan remaja masa kini. Hasil dari perkembangan dan kemajuan teknologi dan kemudahan asas yang sempurna, kesan dan pengaruh media massa bukan sahaja dirasai oleh remaja di kawasan bandar, malah ianya turut melibatkan golongan remaja dikawasan luar bandar. Objektif utama kertas kerja ini adalah untuk membincangkan satu kajian yang telah dijalankan di daerah Sabak Bernam, Selangor. Objektif kajian ini antaranya ialah untuk mengenal pasti tahap pendedahan media massa di kalangan pelajar-pelajar luar bandar, mengenal pasti jenis-jenis kandungan dalam media yang memberi kesan positif dan negatif kepada nilai dan akhlak mereka, mengkaji pegangan nilai akhlak pelajar-pelajar, dan menganalisa hubungan pendedahan media massa dan minat pelajar terhadap kandungan media massa dengan pegangan nilai akhlak mereka. Kajian ini menggunakan satu set borang soal selidik dan diedarkan kepada 61 pelajar-pelajar Tingkatan 5 yang dikategorikan sebagai golongan fakir miskin di daerah Sabak Bernam, Selangor.

## **1. Pendahuluan**

Secara umumnya, masyarakat telah mengetahui sepintas lalu tentang gejala sosial atau masalah-masalah keruntuhan akhlak yang sedang wujud dalam umat Islam di negara ini. Walaupun gejala sosial ini wujud juga di kalangan masyarakat bukan Islam, tetapi apa yang lebih menonjol ialah permasalahan di kalangan umat Islam. Permasalahan ini tidak boleh dikesampingkan begitu sahaja dan perlu dihadapi dan ditangani oleh masyarakat Islam dengan penuh hikmah dan bijaksana. Hampir setiap hari kita juga dilaporkan oleh media dengan permasalahan sosial yang '*biasa*' berlaku seperti rogol, lari rumah, seks bebas, sumbang mahram, dadah, ponteng, dera dan kes pukul. Isu gejala sosial telah mendapat

perhatian dan reaksi dari pelbagai pihak khususnya pihak kerajaan, parti-parti politik, NGO dan juga badan-badan sukarela. Permasalahan ini wujud apabila suasana yang tidak bermoral dan berakhlak wujud dalam pelbagai aspek kehidupan dan dalam lapisan masyarakat bermula dari hubungan dan pergaulan dalam keluarga, masyarakat hinggalah kepada aspek kepercayaan dan pegangan hidup. Gejala sosial ini tidak terbatas kepada satu golongan atau lapisan masyarakat sahaja, tetapi ianya berlaku disemua peringkat masyarakat seperti golongan muda, tua, kaya, miskin, berpendidikan tinggi, tiada pendidikan dan juga yang mempunyai pendidikan agama.

## 2. Latar belakang kajian

Dalam dunia tanpa sempadan, peranan media dalam menyebarkan dan menyampaikan maklumat dan pendidikan kepada masyarakat menjadi semakin penting. Boleh dikatakan bahawa setiap rumah dari berbagai lapisan masyarakat boleh mempunyai kemudahan audio-video seperti radio, televisyen, vcd/dvd dan komputer. Kemudahan yang ditawarkan oleh pihak Telekom Malaysia, Jaring, TMNet dan sebagainya telah menambahkan peranan media, khususnya media elektronik, di dalam masyarakat. Internet kini telah menjadi salah satu sumber utama maklumat dan jumlah penggunaanya juga semakin meningkat dengan adanya pelbagai kemudahan internet yang ditawarkan seperti cyber café dan pre-paid internet, serta didorong oleh harga komputer yang agak murah dan mudah diperolehi di negara kita. Namun begitu, kemudahan internet ini pada masa masih tidak dapat lagi mengantikan peranan media massa yang telah lama bertapak dan terus ampuh wujud iaitu televisyen, radio dan media cetak. Malah jika perhatikan jumlah siaran televisyen, radio dan juga jenis majalah-majalah semakin bertambah jika dibanding dengan kedudukannya dalam tempoh sepuluh tahun lalu.

Dalam membincangkan pengaruh media terhadap perkembangan akhlak pelajar, kita perlu melihat beberapa kajian dan juga perbincangan yang telah dijalankan oleh ramai tokoh pendidikan di luar dan dalam negara tentang isu ini. Kebanjiran VCD, DVD, satelit tv dan pelbagai program dan rancangan televisyen dalam pasaran di serata negara-negara Islam telah menimbulkan pelbagai masalah di kalangan generasi muda Islam mereka. Larking (1996) telah membincangkan bagaimana media massa, khususnya televisyen, telah mempengaruhi perkembangan kehidupan seorang pelajar. Pada padangan beliau:

*Along with the home video, television can lull the viewer into a passive reception on ideas under the guise of being entertained.*

Malah, fungsi semulajadi dan matlamat televisyen untuk memberi hiburan menyebabkan program-program yang dijalankan perlu berbentuk hiburan sebagaimana yang dinyatakan oleh Larking (1996): *“Television’s task is to entertain and even when it is seeking to inform, it must be done in an entertaining manner...”*. Selain itu, menurut beliau, televisyen boleh menjadi *modern day idolatry* di dalam rumah dan menjadi ancaman kepada pegangan agama jika penggunaan secara melampau dan tidak dikawal. Larking juga menegaskan bahawa penyalahgunaan televisyen boleh memberi kesan negatif kepada generasi muda kerana ia boleh menyimpangkan mereka daripada realiti kehidupan yang sebenar dan menjadi “hamba” kepada televisyen. Menurut beliau:

*“... television image promises to insulate our lives from reality by entertaining us. ... The television image can rob young people of their time, and bring them into bondage to itself”.*

Larking juga berpendapat televisyen telah menjadi satu persaingan kepada bahan-bahan pendidikan yang bercetak kerana sifatnya yang berbentuk hiburan dan persembahan yang lebih menarik berbanding teks tulisan. Budaya menonton televisyen berlebihan dan tidak terkawal secara tidak langsung telah menarik remaja untuk lebih gemar menonton televisyen dan kurang memberi tumpuan kepada pembacaan buku-buku. Pada pandangan beliau:

*In homes where there is unrestricted television viewing and a number of young family members, it becomes exceedingly difficult for young people to withdraw from the action presented on the television and seclude themselves in a quiet place where they can read.*

Apa yang lebih membimbangkan lagi, televisyen telah memupuk sifat kepasifan dalam diri remaja kerana pada pandangan Larking (1997:40):

*One of the dangers of televisyen is that since it does not call for a considered response there is a strong tendency for young people to become passive receivers of information through their television viewing”.*

Dalam satu kajian dijalankan di England dan Wales yang melibatkan 20,968 pelajar tahun sembilan dan sepuluh menunjukkan terhadap hubungan yang signifikan antara menonton televisyen dengan perkembangan sosio-psikologi remaja (Francis 1997). Pelajar yang dikategorikan sebagai ketagih menonton televisyen menghadapi berbagai masalah sosio-psikologi yang lebih seperti kesedaran diri yang rendah, kerisauan dalam hubungan, kurang menerima perhatian dari keluarga, kurang berminat terhadap kerja sekolah, kurang mantap keyakinan agama dan lebih percaya kepada perkata tahyul dan masalah dalam gejala sex dan keganasan, berbanding dengan rakan-rakan mereka yang kurang menonton televisyen. Ini menunjukkan media khususnya televisyen mempunyai kesan secara langsung atau tidak langsung dalam perkembangan diri dan akhlak remaja. Selain itu *soft pornography* juga telah dipromosikan secara meluas tidak langsung melalui program-program hiburan, tarian, nyanyian mengasyikkan yang ditayangkan dalam beberapa saluran televisyen seperti RTM2, TV8, TV9, Mega TV dan MTV. Malah, pada setiap minggu, filem-filem Hindi dalam TV3 dan NTV7 juga mempromosikan pelbagai aksi yang berunsur negatif serta seksi berserta dengan tarian-tariannya penuh dengan gaya-gaya yang amat mengghairahkan kepada penonton, khususnya para remaja dari pelbagai latar belakang pendidikan dan status sosio-ekonomi.

Selain dari televisyen, majalah-majalah dalam pasaran juga mempunyai pengaruh yang besar dalam perkembangan dan kehidupan harian remaja. Hasil dari pemerhatian yang dijalankan, terdapat pelbagai jenis majalah yang boleh didapati dan dibeli dengan mudah dalam pasaran dan kebanyakan difokuskan kepada golongan pembaca remaja. Majalah-majalah hiburan yang mendapat sambutan yang hangat dari golongan remaja hanya banyak memaparkan kisah dan gossip artis-artis serta celebrities terkenal. Ini ditambah pula dengan aksi-aksi dari artis tempatan dan luar negara yang mendedahkan aurat, seksi dan bercanggah dengan nilai-nilai ketimuran dan keislaman sering dipaparkan dalam majalah-majalah tersebut.

Fokus utama yang diberikan dalam majalah ini adalah hiburan semata-mata dan ianya tidak memberikan sumbangan yang positif kepada perkembangan akhlak generasi muda malah hanya berkisar kepada persoalan gossip-gossip dan kehidupan artis yang penuh glamor dan berpoya-poya. Budaya yang tidak berasaskan nilai ketimuran malah jauh sekali dari nilai-nilai akhlak Islam dijadikan tumpuan dalam majalah-majalah ini yang secara tidak langsung telah mempengaruhi pemikiran pembaca-pembaca yang juga tidak mempunyai latar pendidikan

agama yang kukuh. Ini mengakibatkan apa yang ditunjukkan oleh majalah-majalah tersebut menjadi “benar” kerana ianya dipaparkan, dipromosikan secara terang-terangan, serta dianggap perkara biasa dalam masyarakat, malah ianya dibenarkan oleh undang-undang. Selain dari kandungan majalah hiburan tersebut, terdapat juga iklan-iklan dalam majalah tersebut yang menonjolkan budaya barat yang berasaskan kepada keseronokan, pakaian dan budaya hidup bebas yang mengeneipkan nilai-nilai dan ajaran Islam. Malah, majalah-majalah keluarga juga sering memaparkan dan mempromosikan cara hidup yang materialistik berasaskan kemewahan dan hidup yang penuh selesa dan keindahan seperti rumah-rumah mewah, hiasan dalaman rumah dan persediaan dan liputan majlis-majlis perkahwinan golongan berada dan terkenal yang tidak mampu dicapai oleh semua individu.

Kesan sebaran bahan media massa ini secara umumnya tidak dapat di kawal lagi kerana ianya amat mudah didapati di mana kawasan walaupun jauh diluar bandar. Majalah, CD/VCD, internet, cyber café, Astro dan majalah mudah didapati atau dilanggni oleh individu tanpa sebarang sekatan dan kawalan yang ketat. Ini telah memberikan kesan negatif kepada golongan remaja, termasuk mereka yang dikategorikan sebagai golongan fakir miskin. Sehubungan dengan itu, kajian ini memberi tumpuan untuk melihat tahap pendedahan media massa dan pengaruh nya terhadap pegangan nilai akhlak mereka. Kajian yang dijalankan ini memberi fokus kepada beberapa nilai asas atau utama yang perlu pegang oleh setiap remaja Islam antaranya ialah matlamat hidup, akhlak sepelajar, akhlak kepada masyarakat, kepercayaan kepada nilai metafizika atau alam ghaib, nilai tentang seks dan nilai kekeluargaan.

### **3. Metodologi kajian**

Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengkaji pengaruh media massa terhadap pegangan nilai akhlak di kalangan pelajar-pelajar fakir miskin. Secara khususnya, objektif-objektif kajian ini adalah untuk:

1. mengenal pasti tahap pendedahan media massa di kalangan pelajar-pelajar fakir miskin.
2. mengenal pasti jenis kandungan dalam media yang memberi kesan positif dan negatif kepada akhlak pelajar-pelajar fakir miskin
3. mengkaji hubungan pendedahan media massa dengan pegangan nilai akhlak di kalangan pelajar-pelajar fakir miskin.

Kajian ini telah dijalankan di daerah Sabak Bernam, Selangor sebagai satu kajian awal melihat beberapa isu-isu yang berlaku di kalangan pelajar-pelajar fakir miskin. Daerah Sabak Bernam merupakan daerah yang mempunyai jumlah terbanyak fakir miskin di negeri Selangor dimana terdapat sebanyak 10 buah desa (Desa Kasih) yang dirancang dan dibina sebagai pusat penempatan golongan fakir miskin. Selain itu, terdapat sejumlah pelajar-pelajar miskin lain yang tidak tinggal di pusat-pusat penempatan ini yang juga menerima bantuan kewangan daripada Pusat Zakat Selangor (PZS).

Kajian ini telah melibatkan seramai 61 orang pelajar Tingkatan 5 yang dikategorikan sebagai pelajar daripada golongan fakir miskin. Responden kajian dipilih berdasarkan senarai golongan fakir miskin yang dikeluarkan oleh PZS dan juga pihak sekolah. Berdasarkan definisi yang digunakan oleh PZS (2004), golongan fakir ialah “orang Islam yang tidak mempunyai harta hasil usaha pekerjaan yang halal dan layak dengannya untuk memenuhi keperluan dirinya dan tanggungannya termasuklah makanan, pakaian, tempat tinggal dan keperluan-keperluan lain”. Manakala golongan miskin pula ialah “orang Islam yang mempunyai harta dan hasil usaha yang halal dan layak dengannya tetapi masih tidak

mencukupi untuk menanggung keperluan dirinya dan tanggungannya”. Kajian ini tidak akan digeneralisasikan kepada pelajar-pelajar daripada kawasan lain dan pelajar-pelajar yang tidak dikategorikan sebagai fakir miskin. Penyelidik telah menggunakan satu set borang soal selidik yang mengandungi 5 skala Likert bagi mendapatkan data yang berkaitan dan data telah dianalisa secara deskriptif dengan menggunakan *SPSS for Windows*.

#### 4. Dapatan kajian

Sampel kajian adalah terdiri daripada 25 orang pelajar lelaki dan 36 orang pelajar perempuan yang belajar di beberapa buah sekolah di daerah Sabak Bernam. 26 orang daripada mereka adalah pelajar aliran manakala 35 pelajar mengambil jurusan sastera. Hasil daripada kajian dijalankan, berikut adalah tahap pendedahan pelajar-pelajar terhadap media massa dalam sehari.

**Jadual 1: Tahap pendedahan terhadap media massa dalam sehari**

NO	AKTIVITI	MIN
1	Menonton televisyen	3.02 jam
2	Mendengar radio	1.89 jam
3	Menonton VCD	1.25 jam
4	Membaca majalah	0.98 jam
5	Membaca surat khabar	0.98 jam
6	Melayari laman web	0.33 jam

Jadual di atas menunjukkan min yang tertinggi adalah menonton televisyen dimana purata pelajar – pelajar ini menonton televisyen adalah 3.02 jam, diikuti oleh mendengar radio dengan min 1.89 jam. Secara keseluruhannya purata menonton VCD adalah juga tinggi iaitu 1.25 jam. Min bagi membaca majalah dan surat khabar adalah sama iaitu 0.98 jam dan min yang terendah pula ialah 0.33 iaitu bagi melayari laman web.

**Jadual 2 : Minat pelajar terhadap jenis kandungan media**

NO	AKTIVITI	MIN
1	Pendidikan/Pengetahuan Am	3.81
2	Agama	3.79
3	Hiburan	3.59
4	Seram	3.50
5	Humor	3.12

Jadual 2 di atas menunjukkan min keseluruhan bagi minat pelajar terhadap jenis kandungan media massa dimana tahap minat pelajar terhadap bidang pendidikan/pengetahuan am adalah yang tertinggi (3.81) diikuti oleh bidang agama (3.79). Media massa yang mengandungi bahan hiburan menduduki tempat ketiga (3.59), diikuti oleh bahan-bahan seram (3.50) dan humor (3.12)

Jadual 3 dibawah pula menunjukkan hasil dapatan yang berkaitan dengan pegangan nilai akhlak di kalangan pelajar-pelajar fakir miskin berdasarkan urutan.

**Jadual 3: Pegangan nilai akhlak pelajar**

<b>NO</b>	<b>ITEM</b>	<b>MIN</b>
1	Saya percaya dengan pembalasan daripada Tuhan selepas mati	4.84
2	Saya seorang yang yakin dengan agama yang saya anuti	4.82
3	Kitab al-Quran menjadi panduan utama hidup saya	4.61
4	Seks luar nikah adalah amalan yang ditolak oleh masyarakat hari ini	4.57
5	Saya mempunyai tanggungjawab sebagai hamba Allah	4.54
6	Saya merasa bangga dengan sekolah saya	4.51
7	Saya tidak berminat menonton rancangan TV dan VCD yang berunsur seks	4.51
8	Saya akan mendahulukan amalan agama dengan perkara-perkara lain	4.28
9	Saya merasakan bahawa hidup saya bermakna/bernilai	4.16
10	Guru-guru di sekolah menjadi model/ccontoh teladan kepada saya	4.15
11	Pergaulan antara lelaki dan perempuan perlu disekat pada zaman ini	4.11
12	Saya merasa seronok apabila bersama rakan-rakan di sekolah	4.08
13	Sekolah membantu saya dalam menjalani kehidupan seharian	4.07
14	Ibu bapa kita tidak seharusnya mencontohi cara-cara ibu bapa di barat dalam mendidik anak-anak mereka	4.07
15	Saya sering merasa risau dengan ujian/peperiksaan di sekolah	4.03
16	Adegan/gambar yang menjolok mata dalam media massa merisaukan saya	3.92
17	Merokok adalah satu amalan yang buruk	3.90
18	Saya mempunyai matlamat hidup yang jelas	3.80
19	Belajar di sekolah tidak membosankan	3.77
20	Saya tidak percaya kepada ramalan bintang/horoskopik	3.61
21	Jiran tetangga perlu mengambil peduli tentang apa yang dilakukan oleh anak-anak jiran mereka	3.59
22	Fesyen pakaian artis/selebriiti tidak mempengaruhi pemilihan pakaian saya	3.57
23	Media massa banyak menyiarkan rancangan yang memupuk akhlak remaja	3.51
24	Saya tidak berminat menonton rancangan yang berunsur keganasan	3.44
25	Rancangan-rancangan TV tidak memberi pengetahuan seks kepada saya	3.41
26	Saya merasa puas/gembira dengan kehidupan saya	3.36
27	Kisah tentang keruntuhan keluarga yang disiarkan dalam media massa memberi pengajaran kepada saya	3.36
28	Saya berminat menonton rancangan yang berunsur kekeluargaan	3.36
29	<i>Dating</i> tidak seharusnya dilakukan bagi pasangan yang bercinta	3.23
30	Saya sering berpuas hati dengan apa yang saya perolehi	2.91
31	Saya tidak merasa tertekan dalam menjalani kehidupan seharian	2.75
32	Saya percaya bahawa hantu/tahyul tidak akan memudaratkan kita	2.45
	<b>Min keseluruhan</b>	<b>3.85</b>

Umumnya, tahap pegangan nilai akhlak pelajar-pelajar ini berada ditahap yang agak membimbangkan dimana min keseluruhannya didapati ialah hanya 3.85. Terdapat 15 item yang mempunyai min di atas 4.00 iaitu 4.03 hingga 4.84. (Item 1 – Item 15). Aspek kepercayaan kepada pembalasan selepas mati, keyakinan terhadap Islam, keyakinan bahawa al-Quran menjadi panduan hidup, penolakan seks bebas serta tanggungjawab sebagai hamba Allah adalah antara item-item yang mempunyai min yang tertinggi. Item-item lain yang mempunyai min yang tinggi ialah perasaan bangga kepada sekolah, menolak untuk menonton CVD yang mempunyai unsure seks dan kesediaan untuk melakukan terlebih dahulu amalan-amalan agama. Selain itu, terdapat 9 Item yang mempunyai min diantara 3.23-3.92 iaitu Item 16 hingga Item 29. Namun begitu, terdapat beberapa perkara yang perlu diberikan perhatian kerana min yang didapati agak kurang memuaskan kerana ianya melibatkan isu-isu seharian pelajar seperti kepuasan hati dalam hidup, pengetahuan tentang seks melalui televisyen, pengajaran daripada masalah kekeluargaan, dan keharusan dating oleh pasangan bercinta. Tiga item terendah perlu diberikan tumpuan yang lebih serius kerana item-item ini mempunyai min dibawah 3.00. Ini adalah bagi item-item perasaan rasa puas hati dengan apa yang diperolehi (2.91), tekanan dalam kehidupan seharian sebagai pelajar (2.75) dan kepercayaan bahawa hantu/tahyul boleh memudaratkan diri (2.45).

**Jadual 4 : Hubungan pegangan nilai akhlak dengan pemboleh-pemboleh ubah**

<b>Bil</b>	<b>Pegangan nilai akhlak dengan:</b>	<b><i>r</i></b>	<b>Aras Signifikan</b>
1	Tahap pendedahan media massa	-0.257	.045*
2	Minat pelajar kepada bahan hiburan	-0.90	.491
3	Minat pelajar kepada bahan humor	0.100	.451
4	Minat pelajar kepada bahan agama	0.321	.012*
5	Minat pelajar kepada bahan pendidikan	0.261	.042*
6	Minat pelajar kepada bahan seram	0.115	.380

\* Signifikan pada aras 0.05

Jadual 4 di atas menunjukkan keputusan beberapa ujian korelasi Pearson yang dilakukan untuk melihat hubungan pegangan nilai akhlak pelajar dengan beberapa pembolehubah. Dapatan menunjukkan terdapat hubungan negatif yang signifikan antara tahap pendedahan media massa dengan pegangan nilai akhlak pelajar dimana semakin banyak terdedah dengan media massa semakin rendah pegangan nilai akhlak dan begitulah juga sebaliknya. Maka dapat difahami bahawa pendedahan media massa yang tinggi memberi kesan negatif kepada pelajar walaupun dapatan ini menunjukkan hubungan yang ada tidak kuat.

Daripada aspek minat pelajar terhadap bahan-bahan hiburan, dapatan kajian ini menunjukkan tidak wujud hubungan yang signifikan antara minat pelajar kepada bahan-bahan hiburan dalam media massa dengan peningkatan tahap pegangan akhlak mereka. Ini memberi kefahaman bahawa bahan hiburan dalam media massa tidak memberi sumbangan terhadap pembentukan pegangan akhlak pelajar. Begitu juga dengan bahan-bahan humor dan seram dimana hubungan yang wujud adalah tidak signifikan dan lemah. Namun begitu, keadaan berbeza pula wujud bagi bahan-bahan agama dan pendidikan dimana dapatan menunjukkan minat yang tinggi terhadap kedua-dua bahan ini mempunyai hubungan dengan tahap pegangan akhlak pelajar. Ini menunjukkan minat pelajar terhadap bahan agama dan pendidikan memberikan kesan yang positif kepada tahap pegangan akhlak pelajar-pelajar fakir miskin. Apa yang jelas membimbangkan kita, daripada kajian ini menunjukkan bahawa pendedahan yang tinggi dan berlebihan kepada media massa tidak memberikan sumbangan yang positif dalam pegangan nilai-nilai akhlak pelajar-pelajar fakir miskin. Malah, minat

pelajar-pelajar terhadap, kandungan bahan-bahan hiburan, humor dan seram dalam media massa juga tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan peningkatan pegangan nilai akhlak pelajar-pelajar.

## 5. Rumusan

Terdapat beberapa perkara penting yang boleh dirumuskan berkaitan dengan hubungan media massa dan pegangan nilai akhlak pelajar-pelajar fakir miskin, khususnya di daerah Sabak Bernam. Kajian ini mendapati kadar menonton televisyen dikalangan pelajar-pelajar ini agak tinggi dimana purata masa menonton televisyen ialah 3.02 jam sehari diikuti dengan mendengar radio dan menonton VCD. Ini menunjukkan bahawa hampir kesemua pelajar-pelajar ini mempunyai kemudahan televisyen di rumah mereka, malahan terdapat juga dikalangan mereka yang mempunyai alat pemain cakera padat. Tahap pendedahan tinggi terhadap media massa khususnya televisyen di kalangan pelajar-pelajar ini agak membimbangkan kerana kesemua pelajar-pelajar ini akan menduduki peperiksaan SPM pada tahun tersebut. Jika dilihat daripada segi minat pelajar terhadap bahan-bahan dalam media massa, perbezaan minat yang wujud diantara jenis-jenis kandungan dalam media tidak begitu besar iaitu disekitar 3.12 - 3.81. Walaupun dapatan menunjukkan minat pelajar-pelajar terhadap bahan-bahan agama dan pendidikan di tahap yang tertinggi, namun minat mereka terhadap bahan-bahan media berbentuk hiburan dan seram berada pada kedudukan hampir sama.

Umumnya, berdasarkan min keseluruhan pegangan akhlak pelajar, tahap pegangan nilai akhlak pelajar-pelajar ini tidak boleh dipandang mudah kerana purata keseluruhannya hanya pada tahap 3.85. Ini adalah disebabkan terdapat beberapa item yang mempunyai min yang rendah iaitu item yang berkaitan kepuasan hidup, tekanan dalam kehidupan seharian dan kepercayaan pada perkara tahyul. Selain itu, beberapa item-item yang agak rendah juga perlu diberikan perhatian seperti isu *dating* di kalangan pasangan bercinta, minat kepada rancangan berbentuk kekeluargaan, maklumat tentang seks, rancangan TV yang berunsur ganas dan fesyen yang dipromosikan oleh artis dan seleberati. Hasil daripada ujian-ujian yang dijalankan, didapati tahap pendedahan media massa mempunyai hubungan negatif yang signifikan dengan pegangan akhlak pelajar. Semakin banyak masa yang diluangkan untuk media massa semakin rendah tahap pegangan akhlak pelajar. Selain itu, minat pelajar terhadap bahan-bahan hiburan, humor, dan seram dalam media massa tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan akhlak pelajar. Namun begitu, minat yang tinggi terhadap bahan agama dan pendidikan mempunyai hubungan yang signifikan dengan pegangan nilai akhlak pelajar-pelajar ini.

Maka, hasil daripada perbincangan di atas dapatlah dirumuskan bahawa media massa media mempunyai hubungan yang signifikan terhadap pegangan nilai akhlak di kalangan pelajar-pelajar fakir miskin di daerah Sabak Bernam. Tahap menonton televisyen juga amat membimbangkan kerana purata menonton televisyen adalah 3.08 jam sehari. Malahan, minat pelajar-pelajar terhadap kandungan atau rancangan berbentuk hiburan dan seram juga berada pada tahap yang agak tinggi. Beberapa tindakan segera boleh dilaksanakan bagi mengatasi atau sekurang-kurangnya mengurangkan keadaan ini antaranya mengadakan kelas-kelas bimbingan akademik selepas waktu persekolahan, pemantauan dan kawalan yang positif daripada ibubapa, dan mengadakan lebih banyak aktiviti keagamaan dan pendidikan yang dapat menarik minat pelajar dalam media massa. Sehubungan dengan itu, bagi penerbit majalah atau program radio dan televisyen, kualiti dan kuantiti bahan-bahan keagamaan dan pendidikan dalam media perlu diberikan penekanan kerana minat pelajar kepada kedua-dua



jenis bahan ini boleh meningkatkan pegangan dan kefahaman tentang nilai-nilai akhlak dikalangan pelajar-pelajar.

## 6. Rujukan

- Ab. Halim Tamuri. 2000. "A study of students' knowledge of akhlaq of the Malaysian Secondary Education". Tesis PhD, Universiti of Birmingham.
- Babbie, Earl. 1986. *The practice of social research*. California: Wadsworth Publishing.
- Bommel, Abdul Wahid. 1998. "Media ethics of Muslims in the age of cross cultural communication". *Muslim Education Quarterly*, **Vol. 15, No. 4**, ms.61-75.
- Burns, Roberts B. 2000. *Introduction to research methods*. London: Sage Publication
- Eggen, P. and Kauchak, D.1997. *Educational Psychology*. New Jersey: Prentice Hall.
- Francis, L.J. 1997. "The socio-psychological profile of the teenage television addict". *Muslim Education Quarterly*, **Vol. 15, No. 1**, ms.6-19.
- Mitchell, Jolyon. 1998. "Rediscovering the value of radio in a mass media culture". *Muslim Education Quarterly*. **Vol. 16, No. 1**, ms. 51-64.
- Larking, Lewis. 1997. "Televisyen, popular culture and humiliation of written word". *Muslim Education Quarterly*, **Vol. 15, No. 1**, ms. 38-44.
- Mughess-uddin, 1997. "An Islamic Framework of Media Ethics: Problems and Challenges". *Hamdard Islamicus* **Vol. XX, No. 4**, ms. 57-67
- Syed Ali Ashraf, 1997. "Mass Media Communications, Religion and Education". *Muslim Education Quarterly*, **Vol. 15, No. 1**, ms.1-3.
- Woolfolk, A.E. 1998. *Educational psychology*. Boston: Allyn and Bacon